

Islam dalam Sejarah dan Masyarakat Melayu Sri Lanka

ISMAIL HAMID

ABSTRAK

Perkembangan Islam di Sri Lanka bermula dengan penaklukan negeri Sindh di India oleh orang-orang Islam. Negeri Sindh sememangnya ada hubungannya dengan Sri Lanka. Ibnu Batutah yang melawat Sri Lanka pada tahun 1344 menyebutkan bahawa orang Islam sudah berpengaruh di Sri Lanka. Ketika Portugis menakluki Sri Lanka dalam tahun 1505, mereka cuma menekan perkembangan Islam. Apabila Belanda mengalahkan Portugis pada tahun 1658, mereka mula membawa masuk orang Melayu dari Nusantara secara paksa. Misalnya dalam tahun 1707 keluarga diraja seperti Sunan Mangkurat Mas dari Indonesia ditawan dan dibuang ke Sri Lanka. Menjelang tahun 1723 ada 43 orang anak raja dan pembesar dari Nusantara dibuang ke Sri Lanka. Keturunan daripada golongan Melayu inilah kemudiannya mengembangkan Islam di Sri Lanka. Perkembangan bidang persuratan Melayu dan Islam lebih bermakna lagi apabila Baba Ounus Saldin menerbitkan akhbar Alamat Langkapuri (1869) dan Wajah Selung (1895 sebagai wadah hati nurani orang Melayu. Dan gerakan Islam secara pengajaran lebih giat dilakukan dengan rujukan kepada kitab-kitab seperti Sirāṭul Muṣṭaqīm, Hidāyatul Sālikin, Hujjatullāh al-Balighah dll, dengan tokoh-tokoh pengembang agama yang terkenal seperti Syekh Yusuf Taj al-Khlwati yang berasal dari Makasar, Tuan Bogous (1892), Tuan Pengiran, Tuan Din Bagous, Saboo Latif, Tuan Tengku Husain (di Kandy) yang telah membina masjid Askar Melayu Kandy pada tahun 1820. Islam terus berkembang sehingga wujud satu gerakan sufi yang dibawa oleh Guru Bawa Mahaiyuddeen yang dikembangkan dalam bahasa Tamil yang mendapat sambutan yang luas.

ABSTRACT

The spread of Islam in Sri Lanka began in a period when the Muslims had successfully conquered Sindh. There was a close relationships between Sindh and Sri Lanka. The famous Muslim traveller Ibnu Batutah who visited Sri Lanka in 1344 remarked that Islam was already widespread in Sri Lanka. When the Portuguese conquered Sri Lanka in 1505, they tried to suppress Islam. In 1658 the Dutch took over Sri Lanka from the Portuguese and started to import Malays who were Muslims from the Malay Archipelago into Sri Lanka. This nucleus of Malays too helped to spread Islam in Sri Lanka. The development of Islam and Malay Literary tradition were further enhanced

through the activities of Baba Ounus Saldin who founded the first Malay newspaper, Alamat Langkapuri (1869) and Wajah Selung (1895). Some of the Islamic Kitab commonly used for the teachings of Islam are Siratal Mustaqim, Hidayatul Salikin, Hujjatullah al-Balighah, and other while the ulamas who helped to develop the teachings of Islam are Syekh Yusuf Taj al-Khlwati originally from Makasar, Tuan Bagous, Tuan Pengiran, Tuan Din Bagous, Saboo Latif and Tuan Tengku Husain who built the Malay Regiment's mosque in Kandy in 1820. In recent time Islam continues to spread through a sufi movement led by a certain Guru Bawa Mahaiyuddeen who uses Tamil as the medium of communication.

Hubungan Sri Lanka dengan negeri-negeri Arab berlaku sejak sebelum Islam melalui hubungan perniagaan antara Sri Lanka dengan Timur-Tengah. Sri Lanka terkenal dengan pengeluaran batu permata. Orang-orang Arab memanggil Sri Lanka sebagai Jazirah al-Yaqut (Pulau Permata). Selepas kedatangan Islam kegiatan perdagangan semakin berkembang melalui negeri Yaman dan lain-lain.

Permulaan tersebarnya agama Islam di Sri Lanka diperkatakan oleh Ibn Syahriyar dalam bukunya *Aja'ib al Hind* yang menyebut bahawa apabila segolongan orang Sri Lanka mendengar tentang agama Islam, mereka telah mengirim utusan ke negeri Arab. Utusan tersebut telah menemui Khalifah Umar bin al-Khattab. Selepas mempelajari agama Islam utusan itu pun kembali ke Sri Lanka, tetapi utusan itu telah meninggal dunia di dalam perjalannya. Kemudian risalah agama Islam itu dibawa pulang ke Sri Lanka oleh pembentunya.²

Faktor yang membawa perkembangan Islam ke Sri Lanka ialah peristiwa penaklukan negeri Sind oleh tentera Islam akibat dari kejadian perampasan sebuah kapal orang Islam di perairan negeri itu. Dengan kedudukan orang Islam lebih hampir dengan Sri Lanka, maka hubungan orang Islam dengan Sri Lanka semakin rapat. Kemudian hubungan itu termeterai pula antara pendakwah Islam yang bermastautin di Selatan India dengan Sri Lanka, khususnya golongan sufi yang mengabdikan diri mereka untuk mengembang agama Islam di Sri Lanka.³

Menurut Ibn Battutah yang mengunjungi Sri Lanka pada tahun 1344 Masihi mendapati bahawa penduduk Islam di Sri Lanka amat berpengaruh dalam semua lapangan kehidupan di pulau itu, tetapi pada abad ke-16 masih kedudukan orang Islam di pulau itu mulai terjejas dengan kedatangan bangsa Portugis yang amat memusuhi orang Islam akibat dari pertarungan mereka di Semenanjung Iberia di Eropah. Pada tahun 1505 Portugis telah menakluki Sri Lanka. Dengan terletaknya Sri Lanka di bawah kekuasaan Portugis, maka orang Portugis menjalankan polisi untuk menghapuskan pengaruh orang Islam di pulau itu. Mereka telah memusnahkan segala perkampungan orang Islam di pulau yang tersebut dan orang Islam ditindas.⁴

KEDATANGAN ORANG MELAYU KE SRI LANKA

Pada tahun 1658 Belanda telah berjaya mengalahkan tentera Portugis, maka Sri Lanka pun terjatuh ke tangan Belanda. Pada masa Belanda memerintah di pulau itu, maka bermulalah kedatangan orang Melayu ke Sri Lanka dengan secara paksa melalui hukuman pembuangan dari Nusantara ataupun secara sukarela untuk bekerja dengan pasukan tentera Belanda.

Hubungan antara Nusantara dengan Sri Lanka sudah berlaku sejak zaman pra-Islam lagi. Penduduk Nusantara terkenal sebagai pelaut yang handal. Mereka belayar untuk menjalankan perniagaan hingga sampai ke Pantai Timur Afrika dalam pelayaran yang tersebut mereka singgah di Sri Lanka Chavakacheri (perumahan orang Jawa) dikatakan sebagai tempat permukiman pelaut-pelaut dari Nusantara. Pada masa pemerintahan Raja Parakrama Bahu II (1236 – 1271) dilaporkan bahawa seorang raja Melayu dari Nakhon Sri Thammarat, Semenanjung Kra di Utara Malaysia bernama Chandra Banu telah menyerang Sri Lanka pada tahun 1247 untuk merampas peninggalan Buddha yang terdapat di pulau itu. Kemudian terdapat sebahagian pengikutnya yang memilih untuk menetap di Jaffna.⁵

Permulaan penghijrah orang Melayu ke Sri Lanka yang kini menjadi suatu komuniti Melayu Sri Lanka berlaku pada masa pemerintahan Belanda mulai tahun 1856. Orang Melayu telah dibawa ke pulau itu sebagai buangan yang terdiri daripada raja-raja dan putera-putera raja dari Nusantara termasuk juga keluarga diraja dan kaum bangsawan serta anak isteri mereka dan juga hamba sahaya mereka. Antara raja dari Nusantara ialah Sunan Mangkurat Mas yang telah ditawan oleh Belanda pada tahun 1707 dan dibuangkan ke Sri Lanka. Pada tahun 1723 terdapat sebanyak 43 orang anak-anak raja dan pembesar kerajaan dari Nusantara yang telah dibuang negeri ke Sri Lanka.⁶

Golongan orang Melayu yang lain yang berhijrah ke Sri Lanka termasuk penjenayah, pekerja-pekerja pemerintah kolonial Belanda dan anggota-anggota tentera kerajaan Belanda yang telah diambil dari penduduk Nusantara. Sebahagian besar tentera Belanda yang menyerang Portugis di Sri Lanka mulai pada tahun 1640, terdiri dari askar-askar Melayu. Sebahagian dari askar-askar Melayu yang tersebut telah meninggalkan perkhidmatan dengan tentera Belanda, lalu menyertai pasukan tentera Sri Lanka, dan yang lain bermastautin di kawasan pergunungan. Sementara mereka yang terdiri daripada penjenayah-penjenayah yang dibuang negeri ke Sri Lanka dibebaskan apabila mereka menyertai pasukan tentera Belanda.⁷

Apabila Inggeris berkuasa di Sri Lanka, mereka mengambil askar Melayu yang berkhidmat dengan tentera Belanda untuk menubuh satu pasukan askar Melayu Sri Lanka. Kemudian usaha menambahkan

anggota dalam askar Melayu itu dilakukan dengan kunjungan pemilihan di Malaysia dan Indonesia. Pada tahun 1873 askar Melayu telah dibubar-kan; maka sebahagian mereka menyertai pasukan polis atau pasukan Bomba Sri Lanka. Bagi yang lain mereka menjalankan perniagaan kecil, bekerja di perkebunan teh; melakukan kerja-kerja pertanian dan nelayan.⁸

KEGIATAN PENGEMBANGAN ISLAM DI KALANGAN ORANG MELAYU SRI LANKA

Orang Melayu yang telah berhijrah ke Sri Lanka sama ada secara sukarela atau dengan paksa melalui pembuangan politik pada umumnya terdiri dari pengikut agama Islam. Semasa berada di luar negeri asing, orang Melayu masih mempertahankan kepercayaan agama dan kebudayaan mereka. Orang Melayu yang bermastautin di Sri Lanka saling bekerjasama di antara mereka untuk mempertahankan identiti bangsa dan kebudayaan mereka. Pada permulaannya kegiatan persuratan Melayu diperkembangkan melalui penerbitan seperti akhbar *Alamat Langkapuri* yang diterbitkan pada tahun 1869 dan *Wajah Seluang* mulai diterbitkan pada tahun 1895.⁹

Untuk mempertingkat kegiatan keagamaan, mereka menganjurkan pengajian agama yang diajarkan oleh ahli-ahli agama yang berasal dari Nusantara. Sembahyang Jumaat yang diadakan di dalam komuniti orang Melayu dan khutbah Jumaat dibacakan oleh Imam dalam bahasa Melayu. Risalah-risalah agama dan kitab-kitab agama Islam dalam bahasa Melayu juga dituliskan atau dimport dari Nusantara. Dengan kegiatan yang tersebut semangat keagamaan terus berkembang dengan subur dalam masyarakat Melayu.

Dalam kalangan masyarakat Melayu Sri Lanka pada masa yang lalu terdapat segolongan ahli-ahli agama yang memainkan peranan mengembang pengajaran agama Islam. Mereka juga memegang peranan sebagai pegawai-pegawai agama secara tidak formal. Ahli-ahli agama menganjurkan pembinaan masjid, mengusahakan kutipan derma dan bantuan untuk mendirikan masjid. Mereka menguruskan perjalanan masjid dan menjalankan pentadbiran agama seperti upacara perkahwinan, mendaftar kelahiran dan menguruskan upacara kematian. Golongan ahli agama menjalankan pengajaran agama dengan menggunakan kitab-kitab dalam bahasa Melayu sebagai buku-buku teks dan rujukan. Kitab-kitab agama yang tersebut sebahagiannya masih tersimpan pada tangan keturunan tokoh-tokoh agama yang tersebut.¹⁰

Kitab-kitab agama yang dijadikan buku-buku rujukan untuk mempelajari agama Islam kebanyakannya kitab-kitab jawi dalam bahasa Melayu karangan para ulamak dari Nusantara seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri, Syeikh Abdul Rauf dari Aceh, Syeikh Abdul Samad dari Palembang dan lain-lain. Antara kitab-kitab agama yang tersebut seperti di bawah:

1. *Sirat al-Mustaqim* Kitab karangan Nuruddin al-Raniri yang menghuraikan tentang rukun-rukun Islam. Seperti sembahyang, zakat, puasa, haji, kurban di dalam Islam dan diakhiri dengan bab mengenai ibadat haji.

2. *Hidayah at al-Salikin Fi Suluk Maslak al-Muttakim* Kitab ini merupakan karangan Syeikh Abdul Samad dari Palembang yang diterjemahnya dari kitab karangan Imam al-Ghazali. Kitab ini dalam bab pertama membicarakan tentang akidah di dalam Islam; bab kedua membicarakan tentang fadhilat taat kepada Allah; bab ketiga tentang menjauhi segala maksiat; bab keempat menjauhkan maksiat yang batin. Seterusnya kitab ini membicarakan tentang fadhilat berzikir dan berkasih-kasihan antara manusia sesama manusia serta antara makhluk dengan khaliknya.

3. *Hidayat al-Hidayah* Kitab karangan Syeikh Muhammad Zain Ibn Fakih Jalaluddin dari Aceh yang disadurkan dari kitab *Umm al-Barahin*. Kitab ini mengandungi perbincangan tentang tauhid dan Iman, persoalan ibadat khasnya seperti sembahyang; perkara-perkara mengenai wajib, sunnah, makruh, haram, sifat-sifat Allah dan lain-lain.

4. *Sakarat al-Maut* Kitab ini membicarakan tentang saat-saat manusia pada akhir hayat sewaktu ia menghadapi kematian. Digamarkan betapa manusia akan dikelilingi oleh para malaikat. Kitab ini membicara tentang ilmu tasawuf dan persoalan kematian. Pengarangnya tidak dapat dipastikan.

5. *Hujjat al-Balighah* Kitab ini membicarakan tentang tanggungjawab hakim; tentang dakwa dan bukti, tentang pendakwaan, sumpah palsu dan saksi-saksi palsu. Pengarangnya tidak dapat dipastikan.¹¹

Kitab-kitab lain yang digunakan untuk mempelajari agama oleh masyarakat Melayu di Sri Lanka ialah seperti *Kitab al-Nikah* iaitu pelajaran dan hukum mengenai perkahwinan, *Kitab al-Faraaid*, buku yang membicarakan cara-cara pembahagian harta warisan. Kitab *Mitfah al-Jannah* dipercayai mengenai ilmu tasawuf. *Masa'il al-Muhtadi*, kitab membicarakan persoalan rukun iman, rukun Islam, konsep ihsan, tauhid, ma'rifat, segala yang fardhu, sunnah, makruh, halal, haram, mubah dan lain-lain. Kitab mengenai ilmu hadis seperti *Arba'in al-hadith*, kitab al-Arudh al-Mubhat al-Ikhwan dan lain-lain.¹²

Di samping mempelajari agama melalui kitab-kitab bahasa Melayu, semangat keagamaan dihidupkan dalam kalangan orang Melayu Sri Lanka pada masa yang lalu melalui pembacaan hikayat-hikayat dan syair-syair yang bercorak keagamaan. Pembacaan hikayat-hikayat bercorak Islam ialah untuk menyedarkan orang ramai tentang tokoh-tokoh Islam dan perjuangan mereka untuk menegak agama. Cerita mengenainya dibacakan bagi tujuan untuk mengenang perjuangan Islam yang dilakukan oleh Nabi Muhammad. Cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad yang

dibaca dalam kalangan orang Melayu Sri Lanka seperti Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat Nabi Mikraj, Hikayat Nabi Perang Khaibar, Hikayat Nabi Pulang ke Rahmatullah. Menurut Mahroof bahawa Hikayat Kejadian Nur Muhammad dan Hikayat Bulan Berbelah yang tertulis dalam bahasa Melayu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil di Sri Lanka dan ia turut dibaca oleh masyarakat Tamil Muslim di Sri Lanka.¹³

Cerita-cerita lain yang bercorak keislaman yang dibacakan dalam masyarakat Melayu Sri Lanka untuk menghidupkan semangat keislaman seperti *Kisas al-Anbia* yang mengisahkan tentang riwayat nabi-nabi Allah; *Hikayat Abu Syahmah*, mengisahkan tentang Saiyidina Umar yang menjalankan hukuman terhadap puteranya yang berzina; *Hikayat Ali Kahwin* menceritakan tentang perkahwinan Ali dengan puteri Nabi, Fatimah; *Hikayat Iblis* membicarakan tentang pertemuan Nabi Muhammad dengan iblis. Dalam hikayat itu dikatakan bahawa Iblis akan merasuk orang-orang yang engkar kepada perintah Allah dan menyatakan bahawa ia tidak boleh berbuat sesuatu terhadap orang yang alim dan kuat imannya kepada Allah. Bacaan syair juga diadakan dalam masyarakat Melayu Sri Lanka kerana ditemui syair-syair Melayu dalam warisan sastera Melayu Sri Lanka. Syair-syair agama yang bertujuan untuk memupuk faham keagamaan seperti *Syair ibadat*, *Syair Ma'rifat*, *Syair Kiamat*, *Nazam Bidayat al-Islam* dan lain-lain.¹⁴

Di samping kitab-kitab di atas terdapat risalah-risalah agama yang ditulis oleh penulis-penulis Melayu Sri Lanka. Salah satu risalah yang tersebut berjudul *Syarhu Sittin* yang membicara rukun-rukun Islam. *Sifat Dua Puluh* merupakan sebuah risalah yang membicarakan tentang sifat-sifat Allah Ta'ala. Di samping risalah-risalah di atas terdapat risalah-risalah yang menerangkan tentang pengajaran ilmu sufi. Aliran sufi yang bernama Syattariya telah berkembang di kalangan orang Melayu Sri Lanka didasarkan kepada penemuan risalah-risalah sufi dari aliran Syattariya yang dikatakan dikembangkan oleh Syeikh Abdul Rauf Singkel. Dengan penemuan kitab-kitab pengajaran agama Islam, maka dipercayai pusat-pusat pengajian agama Islam turut diadakan dalam bentuk madrasah-madrasah yang kecil telah didirikan sejak abad ke-19 Masihi.¹⁵

TOKOH PENGEMBANG ISLAM

Dalam kalangan masyarakat Melayu Sri Lanka pada masa lampau terdapat tokoh-tokoh agama yang giat mengembangkan ajaran agama Islam di kalangan orang Melayu Sri Lanka dan juga penduduk tempatan. Antara tokoh-tokoh agama yang tersebut termasuk para ulama yang datang dari Nusantara. Salah seorang tokoh ulama yang terkenal yang telah dibuangkan ke Sri Lanka ialah Syeikh Yusuf Tajul Khalwati dari Makasar. Syeikh Yusof seorang ulama yang membantu Sultan Agung

menentang Belanda yang ingin menguasai Bentan dengan menggunakan nama putera Sultan Agung sendiri. Akhirnya Belanda menang dan Syeikh Yusuf dibuang negeri ke Sri Lanka. Pada tahun 1683 ia dipindahkan ke Afrika Selatan.¹⁶

Dengan kedatangan Syeikh Yusof ke Sri Lanka sudah pasti tokoh agama yang tersebut turut memainkan peranan untuk mengembangkan Islam semasa ia berada di Sri Lanka. Sebagai ulamak yang banyak menulis kitab-kitab dan giat menjalankan kegiatan dakwah Islam sewaktu di Makassar dan Jawa, maka semasa ia berada di Sri Lanka kegiatan yang sama pasti dilakukannya. Sewaktu Syeikh Yusof di Cape Town dilaporkan bagaimana kegiatannya untuk pengembangan agama Islam dijalankan dengan amat giat sekali. Kitab-kitab agama karangan Syeikh Yusof yang dapat 11 buah, tetapi tidak dapat ditemui karangannya dalam koleksi Melayu Sri Lanka.

Menurut T.J.P Ahtmat bahawa tokoh-tokoh agama Islam juga datang ke Sri Lanka bersama-sama dengan raja-raja dan pembesar-pembesar yang dibuang negeri ke pulau itu. Ahli-ahli agama ini mempunyai pengetahuan yang dalam mengenai agama. Kemudian kepakaran dalam bidang ilmu agama itu diperturunkan pula kepada anak-anak mereka yang terus memainkan peranan sebagai ulama dan guru agama, yang bergiat mengembang agama Islam kepada generasi yang berikut.¹⁷

Salah seorang tokoh agama dalam masyarakat Melayu Sri Lanka yang bergiat dalam mengajar agama Islam ialah Tuan Bagoos. Ia seorang yang alim dalam bidang agama, kemudian ia berguru ilmu sufi dengan seorang tokoh sufi yang terkenal bernama Kottar Syeikh dan dianugerah gelaran khalifah. Selepas kematian Kottar Syeikh Tuan Bagoos telah menjadi Syeikh dan pemimpin gerakan sufi yang terkenal. Ia meninggal pada tahun 1892 dikala umurnya meningkat 35 tahun dan dikebumikan di masjid besar Colombo.¹⁸

Dua orang tokoh agama dalam masyarakat Melayu yang kini dianggap sebagai keramat ialah Tuan Pangeran dan Tuan Daine Bagoos. Tarikh hidup kedua-dua tokoh ini tidak dapat dipastikan. Mereka dikatakan telah mendiami di kawasan Wolfendhal dan Pettah. Makam kedua-dua tokoh ini kini bersemadi di Masjid Peersaibo. Seorang lagi tokoh agama dari kalangan masyarakat Melayu Sri Lanka bernama Saboo Latif. Direkodkan bahawa seorang bangsawan Jawa bernama Panda Bali telah menghadiahkan atau mewakafkan sebidang tanah seluas $2\frac{1}{2}$ ekar kepada Saboo Latiff pada tahun 1786 bagi kegunaan kegiatan keagamaan. Sementara di Kandy seorang tokoh agama yang bergiat untuk mengembangkan Islam dalam kalangan askar Melayu di situ ialah Tuan Tengku Husain. Di atas usahanya, maka terbina masjid Askar Melayu Bogambara Kandy pada tahun 1820. Tuan Tengku Husain terkenal sebagai seorang yang alim dan giat menjalankan dakwah Islam di Kandy. Beliau meninggal dunia pada tahun 1854.

Apabila orang Melayu datang ke Sri Lanka, ahli-ahli agama dari kalangan mereka mengambil bahagian yang aktif dalam usaha untuk menyuburkan fahaman keagamaan khususnya di kalangan orang Melayu yang bermastautin di negeri asing yang mengandungi penduduk yang beragama Buddha. Menyedari bahawa agama sebagai satu akidah amat penting kepada masyarakat sebangsa; dan bagi kepentingan generasi yang berikutnya, maka dengan itu kegiatan dakwah dijalankan dengan lancar melalui usaha-usaha para ahli agama. Di atas kegigihan tokoh-tokoh itu, maka apabila mereka meninggal dunia, maka jasa mereka itu dikenang oleh masyarakat. Pada mulanya mereka itu amat disanjung, akhirnya mereka dimuliakan sehingga dianggap sebagai keramat oleh generasi masyarakat Melayu Sri Lanka dan juga masyarakat Islam dari keturunan yang lain di pulau ini.

Pada akhir abad kesembilan belas terdapat segolongan cerdik pandai Melayu Sri Lanka yang juga menjadi pemimpin agama. Seorang tokoh cendekiawan Melayu Sri Lanka yang terkemuka yang hidup pada akhir abad ke-19 ialah Baba Ounus Saldin. Beliau telah mengusahakan penerbitan akhbar *Alamat Langkapuri* pada tahun 1869. Sebuah lagi akhbar yang diusahakan penerbitannya dalam dwi-bahasa, iaitu Melayu dan Tamil berjudul *Ajaib al-Sailan*. Kemudian akhbar *Wajah Selang* diterbitkan pula oleh Ounus Saldin pada tahun 1895 hingga 1899. Baba Ounus Saldin juga menerbitkan risalah-risalah agama mengenai ibadat sembahyang dan lain-lain; dan beliau juga menjadi tokoh agama Islam yang terlibat dalam bidang pengajaran dan kegiatan keagamaan. Tokoh-tokoh agama yang lain yang turut aktif dalam kegiatan keagamaan dan pendakwahan Islam ialah seperti Baba Yusuf Jurangpati dan Encik Salay Wahid.¹⁹

Dalam masyarakat Melayu dan Islam di Sri Lanka telah tumbuh kegiatan mempertingkat pengajian agama Islam, masjid dan madrasah menjadi pusat-pusat pengajian Islam. Kegiatan peningkatan pengajian agama Islam itu berlaku dengan sokongan dari golongan Islam yang lain seperti bangsa Moor yang berketurunan Arab dan juga golongan Tamil Muslim yang sudah lama bermastautin di negeri itu. Keadaan ini berlaku berdasarkan kesan yang didapati pada golongan bangsawan Melayu yang telah dibuang ke Sri Lanka telah berjaya meningkat ilmu agama mereka sehingga beberapa orang daripada mereka itu menjadi ulama. Apabila tempoh buangan mereka tamat dan pulang ke negeri masing-masing, maka mereka telah dilantik menjadi pegawai-pegawai agama dalam kerajaan. Misalnya Raden Adipati Natakusuma yang telah dibuang ke Sri Lanka pada tahun 1743, pada tahun 1758, beliau pulang ke Jawa, lalu diangkat menjadi ketua pegawai-pegawai agama di Istana Yogyakarta.²⁰

Seorang lagi bangsawan Jawa bernama Wirakusuma yang dilahirkan di Sri Lanka juga dilantik menjadi seorang pegawai agama di istana Yogyakarta pada tahun 1781. Menurut catatan sebuah babad Jawa bernama *Babad Guyanti* bahawa pada masa itu terdapat dua orang ulama

yang masyhur di Sri Lanka bernama Syed Musa Idrus dan Ibrahim Asmara. Dari nama yang pertama dapat dianggarkan bahawa ulama yang tersebut sememangnya dari keturunan Arab dan yang kedua dari keturunan Pangeran Nata Kusuma telah memberitahu Sultan Pakubuwana III bahawa suaminya telah belajar dengan guru-guru di atas selama ia tinggal di Sri Lanka.²¹

RUMAH IBADAT SEBAGAI PUSAT KEGIATAN KEAGAMAAN

Rumah ibadat atau masjid dianggap sebagai suatu yang amat penting dalam sesebuah masyarakat Islam. Masjid diperlukan untuk diadakan perhimpunan bagi menunaikan sembahyang Jumaat sekali bagi seminggu. Di samping mengadakan sembahyang Jumaat, orang Islam juga turut menganjurkan sembahyang beramai atau sembahyang jamaah pada tiap-tiap waktu khasnya pada waktu Maghrib dan Isya. Di samping kegunaan untuk sembahyang, masjid adalah juga menjadi pusat pengajian agama bagi kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak.

Di masjid sering diadakan kelas-kelas agama khas untuk kaum lelaki atau perempuan dan juga kanak-kanak. Kelas-kelas ini untuk mempelajari bacaan al-Qur'an bagi kanak-kanak. Sementara kelas-kelas untuk orang dewasa ialah untuk mempelajari berbagai aspek pengajaran Islam seperti ilmu tauhid, ilmu fiqh, tafsir hadis dan lain-lain. Pengajian yang dilakukan di masjid biasanya guru agama akan menadah atau membaca sesuatu kitab yang tertentu dan penuntutnya duduk dihadapannya dalam bentuk halaqah. Sambil membaca kitab yang tersebut, guru menerangkan maksudnya dengan lebih mendalam, jika penuntut tidak memahami atau ingin mengemukakan soalan boleh mencelehrnya sewaktu guru menerangkan sesuatu permasalahan agama yang dibicarakan di dalam kitab yang dibaca itu. Kesedaran tentang keperluan tempat ibadat dan pusat kegiatan agama Islam itu telah mendorong masyarakat Melayu Sri Lanka untuk mendirikan masjid bagi setiap daerah yang didiami mereka. Askar-askar Melayu yang ditempatkan di pengkalan tentera Bogambara Kandy telah membina sebuah masjid atas inisiatif seorang tokoh agama mereka iaitu Tuan Tengku Husain pada 1820 di Bogambara Kandy. Masjid ini menjadi pusat Islam bagi orang Melayu dan seterusnya masyarakat Islam tempatan. Masjid ini kini dalam proses untuk dibina semula di tempatnya yang asal di Kandy.²²

Di bandar Colombo terdapat sebuah Masjid Besar yang disebut sebagai grand mosque. Asalnya masjid ini didirikan oleh masyarakat Jawa bernama Muhammad Balankaya, antara tahun 1826. Masjid al-Jamiah, sebuah lagi masjid yang terletak di Java Lane, Colombo. Masjid ini diasaskan oleh askar Melayu di Colombo. Tarikh binaannya pada tahun 1874. Masjid-masjid yang terkemuka di Colombo dan beberapa yang lain telah didirikan oleh masyarakat Melayu Sri Lanka. Kini masjid-masjid itu

ditadbirkan bersama dengan masyarakat Islam tempatan sama ada dari keturunan bangsa Moor dan Tamil Muslim.

Masjid-masjid lain yang telah didirikan oleh orang Melayu di Sri Lanka ialah seperti masjid Wekanda yang terletak di Slave Island, Masjid Peersaibo, Masjid al-Munir; sebuah masjid kecil yang dipanggil Masjid Jummah terletak di Slave Island, Colombo; Masjid Jawatle merupakan sebuah lagi masjid yang telah dibina oleh orang Melayu di tempat yang bernama Taman Cinnamon; Masjid Kurunegala terletak di Kandy. Masjid ini didirikan oleh askar Melayu yang bertugas di pengkalan tentera Kurunegala. Masjid di atas dibina pada tahun 1850. Sementara itu di bandar Hambantota terdapat sebuah masjid yang didirikan oleh masyarakat Melayu di Kota itu. Masjid itu masih dikenali hingga ke hari ini dengan panggilan Masjid Melayu. Apabila orang Melayu tinggal tersebar di beberapa tempat di pulau itu, mereka telah mendirikan masjid-masjid sebagai tempat ibadat dan pusat kegiatan keagamaan. Antara masjid-masjid lain yang telah didirikan oleh orang Melayu di pulau itu seperti di bawah ini:

1. Masjid Katukala
2. Masjid Chilaw
3. Masjid Kothuba
4. Masjid Java di daerah Triconmaleo
5. Masjid Akhbar town.²³

Orang Melayu Sri Lanka pada masa yang lalu amat giat dalam kegiatan pengembangan Islam melalui usaha-usaha mendirikan masjid-masjid sebagai tempat ibadat dan Pusat Islam. Kini kepakaran keagamaan di Sri Lanka sudah berpindah ke tangan orang Tamil Muslim dan keturunan Moor, maka dengan itu pimpinan agama Islam dalam masyarakat Melayu sendiri banyak yang dipegang oleh keturunan lain. Walaupun banyak masjid-masjid itu didirikan atas inisiatif orang Melayu, tetapi imam-imam dan guru agama yang bertugas di masjid-masjid yang tersebut kini terdiri daripada keturunan Tamil Muslim. Orang Melayu hanya menjadi ahli lembaga pengelola pada sebahagian daripada masjid yang tersebut; sementara yang lain dikelola oleh masyarakat Islam dari keturunan lain.

ISLAM DALAM MASYARAKAT MELAYU SRI LANKA PADA ZAMAN MODEN

Selepas beberapa generasi masyarakat Melayu Sri Lanka yang bermastautin di pulau itu menghadapi kesulitan untuk menguasai bahasa ibunda dengan baik khasnya dalam kepakaran untuk membaca kitab-kitab agama dalam tulisan Jawi. Pada peringkat awal pengajaran bahasa

Melayu dipelajari melalui pengajian Islam. Setelah beberapa lama dengan meninggalnya guru-guru agama yang terdiri daripada tokoh-tokoh orang Melayu Sri Lanka, maka pengajian agama terpaksa dipelajari dari guru-guru agama dan keturunan Moor dan Tamil yang mendapat didikan agama dari madrasah-madrasah di India yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Maka sedikit demi sedikit orang Melayu mulai terdedah kepada penggunaan bahasa Tamil khasnya bagi tujuan mempelajari agama Islam. Guru agama yang terdiri dari keturunan Melayu yang terakhir datang ke Sri Lanka dari Singapura ialah Guru Salim yang mengajar di kalangan masyarakat Melayu antara tahun 1935 hingga tahun 1945. Beliau mengajar bahasa Melayu dan agama Islam dengan menggunakan kitab-kitab Jawi.²⁴ Setelah guru yang tersebut pulang ke Singapura, maka tidak terdapat lagi guru yang mengajar agama dengan menggunakan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Melayu Sri Lanka.

PENDIDIKAN AGAMA BAGI KANAK-KANAK

Oleh sebab tidak terdapat lagi guru-guru agama dari keturunan Melayu maka masyarakat Melayu terpaksa menggunakan guru-guru agama dari keturunan Moor dan Tamil Muslim. Bagi golongan kanak-kanak Melayu Sri Lanka seperti yang biasa dilakukan di tanahair mereka di Nusantara, mereka diajar mengaji al-Qur'an dan mempelajari asas-asas pengetahuan Islam dan cara-cara melakukan ibadat. Tempat pengajian dilakukan di masjid tiap-tiap hari pada sebelah petang kecuali hari Jumaat dan hari Ahad.²⁵

Mata pelajaran yang diajar seperti pengenalan huruf Arab dan asas bacaan al-Qur'an, ilmu tajwid, iaitu teknik bacaan ayat-ayat al-Qur'an; pembacaan ayat-ayat al-Qur'an yang dimulakan dari awal hingga ke akhirnya. Mata pelajaran yang lain seperti cara melakukan sembahyang, ibadat puasa, zakat dan fitrah; penerangan mengenai rukun-rukun Islam dan iman, asas-asas ilmu tauhid untuk mengenali sifat-sifat Allah dan nama nabi-nabi dan lain-lain. Pengajian agama ini dilakukan sebagai sampingan dari pelajar sekular yang dipelajari di sekolah-sekolah pemerintah yang dilakukan pada sebelah pagi.²⁶

Sistem pengajian agama untuk anak-anak itu dijalankan secara tidak formal, tanpa wujud sebarang kurikulum yang teratur, tetapi yang pasti bahawa setiap anak-anak harus menyelesaikan pembacaan al-Qur'an tiga puluh juzuk atau bahagian; dan setiap anak-anak itu mesti mengetahui melakukan ibadat terutama mendirikan sembahyang dengan betul. Guru agama tidak memberi sebarang sijil kepada anak-anak muridnya, cuma terkadang-kadang diadakan upacara khatam al-Qur'an atau istiadat menanda tamat seseorang itu mengaji al-Qur'an sebanyak 30 juzuk.²⁷

SISTEM PENGAJIAN MADRASAH

Di Alam Melayu sistem pengajian agama yang lebih bercorak formal dilakukan di sekolah-sekolah agama yang dipanggil pondok, pesantren atau madrasah. Di Sri Lanka sistem pengajian yang bercorak madrasah ini juga berkembang dalam masyarakat Islam di pulau itu sejak abad ke-19 melalui pengaruh sistem pengajian madrasah dari India. Sistem pengajian madrasah ini diperkenalkan oleh masyarakat Islam Sri Lanka dari keturunan Moor dan Tamil Muslim. Bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Tamil dan bahasa Arab.²⁸ Sebahagian daripada masyarakat Melayu yang berminat dengan pengetahuan agama Islam turut mengirim anak-anak mereka untuk belajar di sekolah-sekolah agama yang tersebut.

Salah satu madrasah yang dilawati oleh penulis ialah Madrasah Masjid al-Kabir di Colombo. Mata pelajaran yang dipelajari di situ ialah tajwid, ilmu nahu atau tatabahasa Arab, ilmu Saraf, ilmu Tafsir, al-Hadith, ilmu Feqah, ilmu Tauhid, ilmu Tasawuf. Pelajar-pelajar dikehendaki mempelajari bahasa Arab pada permulaannya, kemudian mereka diwajibkan menghafal al-Qur'an. Apabila pelajar itu sudah menghafal al-Qur'an, maka barulah mereka mempelajari ilmu-ilmu agama yang lebih mendalam seperti ilmu tafsir, hadith, tauhid, fikah dan tasawuf.

Mereka tidak mempunyai bentuk bangunan yang khusus. Kelas-kelas mereka terletak di tingkat atas bangunan masjid. Kelas-kelas agama itu dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan permulaan dan kumpulan yang lebih maju dalam pelajarannya. Mereka duduk bersila di hadapan guru dengan bertadahkan kepada sesuatu kitab yang tertentu mengikut arahan guru masing-masing. Pelajaran dimulakan jam lapan pagi dan tamat pada jam sebelas pagi. Kemudian kelas bermula pada jam tiga sampai jam lima petang. Guru-guru yang mengajar di kelas yang tersebut berkelulusan dari sebuah madrasah dari India. Walaupun guru yang mengajar di madrasah yang tersebut bercorak tradisional, tetapi mereka boleh bertutur bahasa Inggeris dan bahasa Arab dengan baik.

Pengajian ilmu agama menekan kepada pembacaan buku-buku teks yang biasa digunakan di madrasah-madrasah yang bercorak tradisional. Kitab-kitab yang menjadi buku teks antaranya seperti berikut:

<i>Bidang ilmu</i>	<i>Buku Teks</i>
Ilmu Tafsir	<i>Tafsir Jalalulail, al-Tahbir fi Ulum Tafsir</i>
Ilmu Tasawuf	<i>Fath al-Qarib, Umdah al-Salik, Fath al-Mu'in</i>
Tajwid	<i>Hidayah al-Mustafid, Nihayah al-Mufid</i> . ²⁹

SISTEM PERSEKOLAHAN ISLAM MODEN

Pendidikan sistem madrasah bertujuan untuk mendidik pelajar-pelajar menjadi pakar dalam bidang agama, tetapi mereka tidak boleh mendapat sijil untuk mendapat pekerjaan di pejabat kerajaan atau firma swasta atau untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di Universiti Sri Lanka atau di seberang laut. Sementara sekolah-sekolah kerajaan atau sekolah badan dakwah Kristian di samping ilmu-ilmu sekular, turut juga mengajar pelajaran agama Buddha dan Kristian.

Demi untuk memelihara kepentingan agama Islam, maka masyarakat Melayu dengan sokongan daripada masyarakat Islam tempatan telah menubuhkan sekolah-sekolah mereka sendiri. Salah sebuah sekolah moden itu didirikan di perkarian Masjid Bandar Bali. Sekolah ini mengajar mata pelajaran mengikut sukanan pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan. Di samping itu ia mengajar beberapa mata pelajaran agama Islam. Sekolah ini ditadbir dengan sokongan daripada Kementerian Urusan Agama Islam. Ia mengambil nama Dr. T.B. Jayah, seorang pemimpin Melayu Sri Lanka yang telah berjaya sehingga menjadi seorang ahli parliment dan Menteri Buruh dan kebajikan Sri Lanka. Sekolah agama yang bercorak moden ini ditadbir oleh satu jawatankuasa yang mengandungi sebanyak 15 orang keturunan Melayu dan dua orang Islam dari keturunan lain.

Pelajar-pelajar di sekolah ini, bukan sahaja dapat mempelajari mata pelajaran seperti yang terdapat di sekolah-sekolah kerajaan, mereka juga dapat belajar ilmu agama. Apabila mereka lulus peperiksaan sekolah menengah ini, mereka boleh menyambung pelajaran hingga ke universiti atau mengambil kursus-kursus profesional bagi peringkat diploma. Dengan cara demikian anak-anak Melayu yang lulus di sekolah yang tersebut dapat memperoleh sijil-sijil yang diakui oleh kerajaan Sri Lanka dan membolehkan mereka untuk bekerja dengan kerajaan dan firma swasta. Bahasa pengantar yang digunakan di sekolah yang tersebut ialah bahasa Sinhala dan bahasa Inggeris, sementara bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran agama Islam.³⁰

PENGAJIAN AGAMA BAGI ORANG DEWASA

Sebagai biasa dalam setiap masyarakat Islam dewasa juga berminat untuk mempelajari agama Islam khasnya mendalamai cara untuk menunaikan ibadat daripada sembahyang sampailah kepada cara bagaimana melakukan ibadat haji bagi mereka yang hendak ke Mekah. Kelas-kelas agama bagi orang dewasa diadakan di masjid-masjid pada sebelah malam.

Orang Melayu banyak yang terlibat dalam pengurusan perjalanan masjid, khasnya majid-masjid yang asalnya didirikan oleh orang Melayu.

Tetapi kerana ketiadaan guru-guru agama yang menguasai bahasa Melayu, maka pengajaran agama itu diajar oleh guru-guru agama dari keturunan Tamil Muslim atau Moor yang mendapat didikan dari madrasah-madrasah di India. Mereka menyampaikan pengajaran melalui bahasa Tamil. Melalui kelas-kelas agama yang disampaikan dalam bahasa Tamil itu menyebabkan masyarakat Melayu sama ada anak-anak atau orang dewasa semuanya boleh berbahasa Tamil.³¹

GERAKAN DAKWAH ISLAM

Di Sri Lanka terdapat beberapa kumpulan dakwah atau sufi yang bergiat dalam masyarakat Islam di negeri itu. Antara kumpulan yang mendapat pengaruh dalam masyarakat Melayu ialah *Jamaah al-Tabligh*. Badan ini merupakan sebuah gerakan dakwah yang berpusat di India. Badan Tabligh ini bergerak secara tidak formal. Mereka tidak mempunyai susunan organisasi seperti sebuah pertubuhan sosial dalam masyarakat moden. Mereka menjalankan dakwah dari rumah ke rumah dan menyeru orang Islam hadir ke masjid pada waktu maghrib untuk mendengar penerangan agama dari kumpulan mereka.

Badan dakwah ini berjaya menarik sebahagian masyarakat Melayu untuk menyertai kumpulan ini. Salah seorang anggota komuniti Melayu Sri Lanka telah dipilih menjadi ahli Majlis Syura Tabligh Sri Lanka. Beliau ialah Encik Faruq Hassan dari *Akbar Town*. Terdapat sebahagiannya dari masyarakat Melayu yang menyertai kumpulan ini turut keluar berdakwah bersama-sama dengan kumpulan tabligh ini ke kawasan-kawasan yang tertentu di Sri Lanka atau di luar negeri seperti ke India, Malaysia, Eropah, Amerika, Australia dan lain-lain.

Gerakan ini berjaya menubuhkan sebuah masjid mereka yang tersendiri di Colombo. Masjid ini juga merupakan sebagai ibu pejabat bagi gerakan mereka. Mereka tidak mempunyai satu sistem dakwah yang formal seperti badan dakwah moden kecuali keluar menyeru orang Islam untuk datang ke masjid pada waktu maghrib dan mendengar syarahan dari kumpulan mereka. Penumpuan dakwah mereka kepada orang-orang Islam sahaja. Kumpulan dakwah ini mewajibkan setiap orang keluar berdakwah dan meninggalkan keluarga mereka dalam sebulan selama tiga hari, enam bulan selama seminggu dan setahun selama 40 hari; kadang-kadang ahli-ahli kumpulan ini keluar lebih dari tempoh ini. Kegiatan dakwah Jamaah Tabligh ini, menurut Encik Packerally seorang pemimpin masyarakat Melayu Akbar Town, sering menyebabkan kesulitan bagi setengah keluarga orang Melayu, terutama bagi golongan yang miskin kerana terpaksa meninggalkan kerja-kerja yang menjadi sumber sara hidup bagi keluarga mereka.²⁸

GERAKAN SUFI GURU BAWA

Guru Bawa merupakan seorang pemimpin Sufi Sri Lanka yang terkenal. Nama penuhnya M. R. Bawa Mahaiyuddeen. Ajaran Guru Bawa ini disampaikan dalam bahasa Tamil, kemudian pengajarannya itu diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab kebijaksanaan Guru Bawa dalam pengajarannya beliau telah berjaya menarik perhatian orang Amerika, lalu beliau dibawa ke negeri itu dan didirikan ibu pejabat gerakannya di bandar Philadephia. Beliau telah mendapat pengikut yang banyak sekali di Amerika. Akhirnya beliau meninggal dunia di Philadephia pada tahun 1986.

Pengajaran Guru Bawa yang disampaikan secara pintar dalam kuliah-kuliah sufinya telah menarik perhatian golongan terpelajar Melayu di Sri Lanka untuk menyertai kumpulan ini. Antara ajaran Guru Bawa itu adalah seperti berikut:

1. Menyeru manusia untuk berbuat baik dan menjauhkan daripada pekerjaan yang jahat.
2. Menyeru supaya menolong sesama sendiri dan menolong orang lain itu boleh membawa kebahagiaan kepada diri seseorang.
3. Mencintai manusia walaupun orang itu melakukan kejahanatan.
4. Manusia seharusnya hidup dengan sederhana tanpa menekan kepentingan kebendaan.
5. Amalan ibadat tidak harus dipaksa kepada orang Islam dan ia harus dilakukan dengan ikhlas, bukan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang ramai.³²

Pengajaran Guru Bawa ini berpusat di Sri Lanka, maka sebilangan kecil orang Melayu tertarik untuk menyertai kumpulan sufi ini. Pengikut Guru Bawa ini menyatakan bahawa ajaran Guru Bawa yang tersebut telah memberi kesan yang mendalam dalam hidup mereka dan merubahkan cara hidup mereka yang bercorak keduniaan dan bermegah-megah dengan harta kebendaan. Ajaran sufi yang tersebut menanam rasa ketenangan dan sikap ikhlas dalam tindak tanduk mereka sehingga menanam rasa ketakaatan kepada Allah dengan penuh keikhlasan dan kesucian.

KESIMPULAN

Sebilangan kecil penduduk Nusantara telah berhijrah ke Sri Lanka sejak beberapa abad yang lalu berlaku secara paksa melalui pembuangan negeri ataupun secara sukarela untuk bekerja di pulau itu. Bahasa dan budaya orang Melayu Sri Lanka itu telah menghadapi beberapa proses perubahan sejak beberapa abad yang lalu, akibat dari interaksi dengan berbagai kaum di pulau tersebut. Walaupun terdapat beberapa perubahan dalam corak

hidup orang Melayu Sri Lanka, namun orang Melayu terus mempertahankan kepercayaan agama mereka yang asal sejak abad ke lapan belas hingga masa kini. Biarpun jumlah mereka amat kecil, tetapi kerjasama dengan kumpulan Islam dari keturunan lain, orang Melayu berjaya mempertahankan kedudukan agama Islam terus terpelihara dengan sebaik-baiknya.

Orang Melayu yang berhijrah ke Sri Lanka pada masa yang lalu amat menitikberatkan urusan agama. Mereka telah mendirikan masjid-masjid dan mengajar agama di kalangan komuniti mereka. Malah mereka turut melakukan dakwah Islam kepada masyarakat yang lain di Sri Lanka. Oleh sebab mereka mendapat layanan yang baik dari pemerintah penjajahan Belanda dan Inggeris, maka kepentingan agama mereka turut mendapat layanan yang sama. Tetapi selepas Sri Lanka mencapai kemerdekaan, kedudukan orang Melayu tidak lagi mendapat perhatian pemerintah peribumi, kerana jumlah orang Melayu itu amat kecil. Malah orang Melayu telah dikategorikan sahaja sebagai golongan etnik Moor, iaitu penduduk Islam Sri Lanka. Maka dengan itu peranan orang Melayu tidak lagi menonjol. Pimpinan golongan Islam kini diketuai oleh golongan etnik Moor atau Tamil Muslim yang merupakan jumlah yang lebih besar dari keturunan Melayu. Misalnya dalam kabinet kerajaan Sri Lanka terdapat 5 orang menteri yang terdiri dari orang Islam, malangnya tidak terdapat seorang pun dari keturunan Melayu, demikian juga perwakilan dalam Parlimen. Dengan demikian walaupun orang Melayu merupakan golongan yang aktif dalam badan-badan kebajikan dan agama, tetapi mereka tidak dapat memainkan peranan dalam pimpinan masyarakat Islam di Sri Lanka pada masa kini seperti yang pernah mereka lakukan pada masa yang lampau.

Pada masa yang akhir-akhir ini terdapat komen dan kritikan dari para pelawat dari Malaysia yang mengatakan bahawa orang Melayu Sri Lanka tidak taat mengikut perintah agama seperti tidak mendirikan sembahyang atau sering meminum minuman keras yang dilarang oleh agama. Kelemahan beragama yang terdapat pada sebahagian orang Melayu Sri Lanka seperti yang diperkatakan oleh setengah pelawat dari Malaysia itu berlaku akibat dari pengaruh masyarakat yang dominan iaitu masyarakat bukan Islam. Orang Melayu itu dibesarkan dan belajar di sekolah-sekolah bersama-sama dengan orang bukan Islam, maka pengaruh cara hidup yang begitu dominan di sekeliling mereka telah memberi kesan terhadap cara berfikir dan cara bertindak sehari-hari. Oleh sebab agama Islam itu merupakan sebagai satu identiti bangsa Melayu di Sri Lanka, maka setiap orang Melayu tetap mempertahankan kepercayaan agamanya, iaitu Islam sebagai simbol kemelayuannya, walaupun di segi amalan ibadat terdapat sebahagian masyarakat Melayu Sri Lanka itu tidak melakukannya, kecuali pada hari-hari kebesaran orang Islam seperti hari Jumaat atau hari raya.

NOTA

1. *Dalil al-Jamiah al-Nazimiah al Islamiah*, Beruwala, Sri Lanka, tanpa tarikh, hlm. 3.
2. Ibid.
3. Ibid., hlm. 4.
4. Ibid., hlm. 5.
5. M.M.M. Mahroof et. al., *An Ethnological Survey of Muslim Sri Lanka*, Sri Lanka: Sir Razak Foundation 1986, hlm. 10 – 11.
6. *Malay Centenary Book Sri Lanka*: Golden Jubilee Book Committee, 78, hal. 49.
7. *An Ethnological Survey*, hlm. 12.
8. Ibid., hlm. 13.
9. *Malay Centenary Book*, hlm. 51.
10. A. Hussainmiya, "Literature of the Sri Lankan Malay's" kertas *Seminar Sastera Melayu Sri Lanka*, Oktober 6, 1986, hlm. 8.
11. Kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu merupakan koleksi Melayu Sri Lanka kini dalam simpanan Dr. B.A. Hussainmiya Pensyarah Jabatan Sejarah, Paradaniya University, Sri Lanka.
12. Ibid.
13. An Ethnological Survey, hlm. 87.
14. Sila lihat nota 10.
15. B.A. Hussainmiya, *Lost Cousins*, Bangi IBKKM, 1987, hlm. 46.
16. T.J.P. Ahtmat, "Malay Saints Lie Buried Here" *Simposium Dunia Melayu 85*, Sri Lanka, Colombo, tanpa halaman.
17. Ibid.
18. B.A. Hussainmiya, *Literature of the Sri Lankan Malay*, hlm. 8.
19. B.A. Hussainmiya, *Lost Cousins*, hlm. 46.
20. Ibid.
21. T.J.P. Ahtmat.
22. Ibid.
23. Temuramah dengan En. Pakerally dari Akhbar Town pada 2 Feb. 1988.
24. Ibid.
25. Ibid.
26. Ibid.
27. *An Ethnological Survey of Muslim*, hlm. 17.
28. Lihat juga *An Ethnological Survey*, hlm. 179.
29. Temuramah dengan M.D. Kitchilan, Pengurus Jawatankuasa masjid Wekande Juma, 4 Feb. 1988.
30. Temuramah dengan guru agama Abdul di masjid Wekanda jumma, 5 Feb. 1988.
31. Temuramah dengan Encik Hamid, seorang Melayu yang menjadi pengikut Guru Bawa, 6 Feb. 1988.

Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E., Malaysia